

# Menawan pemikiran - Pemerhati luar negara

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Para pemerhati luar negara menyifatkan ucapan dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Perhimpunan Agung UMNO 2006 sebagai ucapan politik yang komprehensif.

Naib Presiden Yayasan Intelektual Pusat Asia (VOSTOK), **Valentin Borisovich** berkata, selain menekankan kepada pentingnya orang Melayu merancang masa depan, ia juga mengandungi banyak garis panduan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Beliau berkata, dalam ucapan tersebut Perdana Menteri mahukan orang Melayu berubah sikap selain meningkatkan keupayaan dan modal insan.

"Beliau juga mengingatkan orang Melayu agar tidak berasa selesa kerana banyak lagi cabaran yang perlu mereka hadapi.

"Oleh itu orang Melayu perlu berdaya tahan dalam semua bidang," kata Borisovich di Pusat Dagangan Dunia Putra

(PWTC) di sini hari ini.

Borisovich menyifatkan Perdana Menteri sebagai seorang yang berkarisma dan mempunyai cara kepimpinan yang tersendiri.

Beliau berkata, Malaysia bertuah mempunyai pemimpin seperti Abdullah yang cuba melakukan pembaharuan khususnya yang membabitkan orang Melayu.

"Di bawah pentadbirannya, banyak perubahan telah ditunjukkan terutama dari segi tahap persepsi dan pemikiran masyarakat Malaysia," ujarnya.

Ketua Jabatan Hubungan Antarabangsa, Parti Golkar Indonesia, **M. Yan Hiksa** berkata, ucapan dasar Presiden UMNO itu yang disampaikan dalam

nada lembut berjaya menawan pemikiran dan minda.

Beliau berkata, intipati ucapan Abdullah mengenai Islam berjaya memberi cahaya baru kepada kedudukan Islam yang sebenar di mata dunia.

"Konsep Islam, Hadhari dan peranan Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menyebabkan Islam tetap dipandang tinggi dan dihormati dunia,

"Jika tidak kerana Malaysia dan parti UMNO yang memerintah, Islam berada dalam kedudukan yang lebih su-

kar di peringkat antarabangsa," katanya.

Duta Republik Islam Iran, **Mahdi Khandagh Abadi** menyifatkan ucapan

Presiden UMNO mampu memberikan suntikan kepada umat Islam untuk bangun dan memajukan diri mereka kerana ia bukan sekadar fakta.

"Ucapan beliau boleh dikongsi bersama dengan umat Islam di seluruh dunia. Mendengar ucapannya terutama mengenai konsep Islam Hadhari merupakan jawapan yang kita cari-cari selama ini," katanya.

Duta Vietnam ke Brunei, Van Sy berkata ucapan Abdullah sangat komprehensif kerana ia menepati semua perkara yang menjadi tumpuan orang Melayu selama ini.

"Ucapan beliau merangsang semua pihak termasuk saya sendiri untuk terus bersaing dengan kaum dan bangsa lain," kata beliau.

Sebanyak 66 orang pemerhati dari 22 buah negara menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2006 terdiri daripada diplomat dan pegawai pelbagai pertubuhan antarabangsa.